

IGP sokong Hanif ketuai panel siasatan

MalaysiaKini.com

May 14, 2012

Oleh Kow Gah Chie

Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar menyokong pelantikan bekas ketuanya, Tun Hanif Omar untuk mengetuai panel bebas bagi menyiasat insiden keganasan yang berlaku dalam perhimpunan BERSIH 3.0.

Ismail berkata pasukan itu percaya Hanif akan bertindak dengan profesional dan menyiasat perkara itu tanpa memihak.

Katanya, polis juga pernah dikenakan tindakan penjara atas kesalahan mereka, seperti dalam kes pembunuhan Aminulrasyid Amzah.

Tambahnya, pasukan polis mengalu-alukan pelantikan tersebut dan akan memberi kerjasama penuh kepada panel berkenaan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malysiakini.com/news/197833>